



Praktis Ekstra

Bab 1

1. Maklumat berikut menunjukkan DBX Sdn. Bhd.

DBX Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat yang menyediakan perkhidmatan telekomunikasi di Malaysia. Pengurus Besar, Encik Ricky merupakan seorang pengurus yang amat menitikberat kebaikan pekerja. Encik Ricky sentiasa memastikan persekitaran kerja yang selesa dan kondusif kepada pekerjanya. Selain daripada itu, Encik Ricky sentiasa memberi motivasi kepada pekerjanya dengan memberi pelbagai ganjaran kepada pekerja. Setiap tahun, Encik Ricky menyediakan pakej pelancongan, hadiah wang tunai serta hadiah-hadiah lain untuk pekerja yang mencapai sasaran kerja.

Selain kebaikan pekerja, Encik Ricky juga merupakan seorang pengurus yang mementingkan pengurusan syarikat yang cemerlang. Dia telah mengamalkan konsep Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) iaitu satu proses pengurusan kualiti yang berdasarkan falsafah kualiti berorientasikan pelanggan, penambahbaikan secara berterusan, penglibatan semua orang, setiap bahagian dan proses dalam organisasi, serta penyelesaian masalah secara berpasukan.

Huraikan **tiga** peranan pengurusan sumber manusia yang telah dilaksanakan oleh Encik Ricky.

2. Puan Linda merupakan pekerja operasi di sebuah kilang pakaian sejak dia tamat pengajian Tingkatan 5 dan memperoleh SPM. Dia telah bekerja di kilang ini selama 15 tahun. Dia ingin berhenti kerja dan memohon pekerjaan baharu memandangkan berasa bosan di tempat kerja yang sama.

Puan Linda terbaca iklan di bawah , dia ingin mencuba nasibnya dengan memohon jawatan di bawah.

Jawatan kosong

Penyelia operasi

Gaji: RM4 000 sebulan

Kelayakan minimum: SPM

Pengalaman kerja: 5 tahun ke atas

Berdasarkan iklan di atas, anda dikehendaki menilai dan menjelaskan kemahiran yang perlu dikuasai oleh Puan Linda dengan keperluan pengurusan sumber manusia bagi jawatan penyelia operasi.
